

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kriteria yang diguna untuk mengenal pasti syarikat-syarikat yang mampu menjadi syarikat 'unicorn' serta insentif yang akan disediakan untuk memastikan mereka terus beroperasi di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan kepada sumber platform agensi modal teroka antarabangsa iaitu Tracxn, beberapa terma digunakan untuk mengkategorikan syarikat-syarikat yang berpotensi dan berkeupayaan yang tinggi seperti *minicorn*, *soonicorn*, *unicorn* dan *decacorn*.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, Unicorn adalah syarikat yang dinilai memiliki aset syarikat sebanyak USD1 bilion atau lebih.
3. Pada masa ini, kriteria yang diguna untuk mengenal pasti syarikat-syarikat yang mampu menjadi syarikat '*unicorn*' dinilai menggunakan kaedah yang berbeza-beza oleh setiap syarikat pelaburan atau modal teroka.
4. Walau bagaimanapun, tawaran pembiayaan daripada agensi pembiaya di bawah MOSTI ke atas syarikat yang berpotensi menjadi *unicorn* adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:
  - (i) Model perniagaan yang digunakan oleh syarikat mestilah menunjukkan potensi pengembangan syarikat dan mampu menarik minat pelabur. Model perniagaan yang berkonsepkan *business-to-consumer* (B2C) mempunyai peluang pelaburan yang tinggi;
  - (ii) Inovasi produk atau perkhidmatan yang dihasilkan mampu meningkatkan nilai tambah, keberkesanan atau mempermudah urusan seharian pengguna;

- (iii) Syarikat perlu sekurang-kurangnya telah beroperasi di peringkat pasaran serantau dan mempunyai potensi di peringkat global; dan
- (iv) Pengurusan dan tadbir urus hendaklah cekap dan mempunyai kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

Tuan Yang Dipertua,

5. Di bawah RMK-12, MOSTI telah disediakan peruntukan pembiayaan dana R&D sebanyak RM500 juta. Melalui peruntukan ini, MOSTI akan memastikan 50% daripada dana penyelidikan ini digunakan bagi pembangunan penyelidikan eksperimental untuk projek yang berpotensi dikomersialkan. Melalui usaha ini, lebih banyak syarikat tempatan dapat beralih daripada sekadar pengguna teknologi kepada pembangun dan pencipta teknologi.

6. Dalam hal ini, MOSTI telah menyusun semula kaedah pembiayaan kepada syarikat *startup* dari peringkat permulaan sehingga ke peringkat akhir perkembangan syarikat. Ia bertujuan untuk memastikan syarikat yang berpotensi tinggi mendapat sokongan dan kerjasama daripada sektor swasta, seterusnya dapat menarik lebih ramai pelabur luar supaya terus kekal beroperasi di Malaysia sehingga mencapai status *unicorn*.

7. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 5 buah agensi pembiaya di bawah MOSTI yang menawarkan insentif kepada syarikat dalam bentuk geran, ekuiti, pinjaman dan pelaburan, iaitu:

- i. Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle);
- ii. Kumpulan Modal Perdana (KMP);
- iii. Malaysian Technology Development Corporation (MTDC);
- iv. Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP); dan
- v. Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV).

**CRADLE FUND SDN. BHD.**

- Menawarkan dana pembiayaan dalam bentuk geran bersyarat;

- berperanan sebagai agensi *single focal point* bagi menyelaraskan ekosistem *startup* negara seperti mana yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Oktober 2021;
- menawarkan pelbagai sokongan dan bantuan di setiap peringkat perkembangan dan pertumbuhan syarikat *startup*;
- Melalui Bajet 2022, Cradle telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta menerusi Program Strategi Tindakan Startup bagi menyokong pembangunan syarikat *startup* di setiap peringkat pertumbuhan; dan
- syarikat ini sedang membangunkan platform MYStartup yang bertujuan untuk menyelaraskan serta menawarkan perkhidmatan yang menyeluruh dan inklusif kepada *startup*.

### **KUMPULAN MODAL PERDANA (KMP)**

- memberi dana pembiayaan dalam bentuk ekuiti; dan
- fokus kepada syarikat berpotensi tinggi dalam teknologi *deep tech* terutamanya sektor elektrik dan elektronik dan sektor tenaga boleh diperbaharui atau tenaga hijau.

### **MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION (MTDC)**

- memberi dana pembiayaan dalam pelbagai bentuk hibrid geran dan nota janji boleh ubah;
- pembiayaan dana dilaksanakan melalui 3 program utama:
  1. Dana Permulaan Perniagaan (*Business Startup Fund*);
  2. Dana Pembangunan Teknologi Halal (*Halal Technology Development Fund*); dan
  3. Program Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional yang dilaksanakan bersama MAGIC (*National Technology and Innovation Sandbox*).

### **MALAYSIA VENTURE CAPITAL MANAGEMENT BERHAD (MAVCAP)**

- memberi dana pembiayaan dalam bentuk ekuiti;
- pelaburan diurus oleh 6 pengurus dana, iaitu:
  1. Meranti Asean Growth Fund;
  2. Superseed II Ventures (M) Sdn. Bhd.;
  3. Asia Greentech Fund I;

4. Gobi Fund III;
  5. 500 Durians II; dan
  6. *Vynn Capital Emergence Fund*.
- Setiap syarikat yang memohon perlu melepasi tahap kesediaan teknologi peringkat sembilan.

**MALAYSIA DEBT VENTURES BERHAD (MDV)**

- memberi dana pembiayaan dalam bentuk pinjaman boleh ubah;
- pembiayaan dana dilaksanakan melalui 3 program utama, iaitu:
  1. *Liquidity Financing for Technology Startups*;
  2. *MDV Technology Acceleration and Commercialisation Scheme*; dan
  3. *MDV Technology Venture Financing MicroFund Guarantee Scheme*.
- tahap syarikat yang memohon hendaklah dalam kategori Siri A ke atas.

Tuan Yang Dipertua,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Selain inisiatif pembiayaan, MOSTI juga sedang membangunkan *Malaysia Start-up Ecosystem Roadmap (SUPER)* bagi tahun 2021 hingga 2030. SUPER adalah pelan hala tuju yang akan menghubungkan dasar-dasar sedia ada untuk menyokong ekosistem *startup* secara holistik untuk terus berkembang dengan ekosistem yang mampan.

9. MOSTI menyasarkan untuk memudahcara dan membimbing 5 buah syarikat untuk mencapai taraf *unicorn* menjelang tahun 2025.

Sekian, terima kasih.